

Headline	Pendapatan TNB RM21.17 bilion		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B6
ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nurhayati Abillah
PR Value	RM 28,128		



# Pendapatan TNB RM21.17 bilion

» *Prestasi  
separuh  
pertama susut  
2.2 peratus*

**Oleh Nurhayati Abillah**

nurhayatiabillah@bh.com.my

**T**enaga Nasional Bhd (TNB) mencatatkan pendapatan RM21.17 bilion bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016 (TK2016), menurun 2.2 peratus berbanding RM21.64 bilion pada tempoh sama tahun lalu.

Penurunan itu disebabkan oleh pengiktirafan jumlah lebihan pemuliharaan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak RM1.39 billion, kesan daripada penurunan kos penjanaan berikutan harga bahan api yang rendah.

TNB menerusi kenyataan di Kuala Lumpur semalam, menyatakan keuntungan selepas cukai bagi separuh pertama TK2016 adalah RM3.28 bilion, penyusutan 26.9 peratus berbanding RM4.48 bilion pada tempoh sama 2015.

Katanya, pelaporan jumlah ICPT dalam penyata kewangan TNB dilaksanakan buat pertama kali pada suku ketiga TK2015, selepas semakan dan perbincangan terperinci dibuat antara TNB dengan pihak kawal selia berkaitan.

## **Untung meningkat**

"Hasilnya, keuntungan selepas cukai TNB yang diselaraskan bagi separuh pertama TK2016

mencatatkan peningkatan 7.7 peratus kepada RM3.07 bilion, daripada RM2.85 bilion yang direkodkan pada tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan ini terutama disebabkan oleh pertumbuhan permintaan unit elektrik sebanyak 3.6 peratus yang direkodkan pada separuh pertama TK2016 bagi Semenanjung," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir Azman Mohd, berkata TNB terus mendapat faedah melalui pelaksanaan ICPT di bawah Sistem Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) dalam konteks pulangan stabil dan pendedahan terhad daripada kesan turun naik kos penjanaan.

Katanya, dalam situasi semasa permintaan elektrik tidak menentu selain perubahan

corak penggunaan tenaga, pulangan TNB yang stabil adalah instrumen strategi bagi perancangan masa hadapan syarikat.

"Pada masa sama, mekanisme ICPT juga menunjukkan bahawa walaupun terdapat pertumbuhan permintaan 3.6 peratus bagi tempoh separuh pertama TK2016, penjimatan daripada penurunan kos penjanaan berikutan harga bahan

api rendah akan dipulangkan semula kepada pengguna," katanya.

Selain itu, bagi menghadapi situasi pasaran yang sentiasa berubah dan merancang menuju ke arah perkembangan perniagaan, TNB juga sedang mengambil langkah positif untuk menjadi juara domestik dan serantau (DRC).

"Aspirasi itu memabitkan hala tuju dan fokus baharu syarikat ke arah perkembangan, berpandangan ke hadapan dan tertumpu ke arah pertumbuhan syarikat," katanya.

Azman berkata, bagi operasi syarikat dalam negara, TNB akan mengukuhkan usaha mengoptimalkan kecekapan operasi dan akan membuka nilai dengan mengambil peluang daripada semua aspek sedia ada, merangkumi segmen penjualan hingga melangkaui meter pelanggan.

"Di peringkat antarabangsa, TNB akan merangka jejak ke arah pertumbuhan kumpulan di pasaran membangun utama, terutama di pasaran yang mempunyai pertumbuhan permintaan tenaga yang tinggi," katanya.

Headline	Pendapatan TNB RM21.17 bilion		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B6
ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nurhayati Abllah
PR Value	RM 28,128		



“  
**TNB terus dapat  
faedah melalui  
pelaksanaan ICPT**  
di bawah Sistem Kawal  
Selia Berasaskan  
Insentif (IBR) dalam  
konteks pulangan  
stabil dan pendedahan  
terhad daripada  
kesan turun naik  
kos penajaan”

**Azman Mohd,**  
Presiden dan Ketua  
Pegawai Eksekutif TNB